

15/12/2001

MBM tolak definisi pengganas AS

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) menolak definisi pengganas yang digunakan Amerika Syarikat kerana ia bertujuan 'menghalalkan' perbuatan ganas mereka di beberapa negara.

Justeru, kata Presiden MBM, Saifuddin Abdullah, negara atau kerajaan yang bertindak ganas terhadap negara lain mesti dikategorikan sebagai pengganas dan dikecam pada peringkat antarabangsa.

"Dasar luar Amerika mengehadkan definisi pengganas kepada kumpulan atau puak tertentu. Sudah tentu definisi ini memihak kepada Amerika, sekali gus bertujuan menutup tindakan ganas mereka terhadap beberapa negara lain.

"Sepatutnya, takrifan pengganas diperluaskan mencakupi negara atau kerajaan yang melakukan serta menaja keganasan terhadap negara lain," katanya.

Beliau yang turut menghadiri Persidangan Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur baru-baru ini, menghargai usaha pihak tertentu memberikan takrifan berbeza di antara pengganas dan pejuang kebebasan.

Malah, peserta persidangan berkenaan juga diingatkan seorang pembentang kertas kerja mengenai pepatah, one man's terrorist is another man's freedom fighter yang bermaksud pengganas pada penilaian seseorang adalah pejuang kebebasan bagi yang lain.

Dengan kata lain, bukan mudah bagi seseorang individu atau negara bersikap objektif dalam penilaiannya ke atas mereka yang terbabit dalam keganasan.

Mengulas isu ini, Saifuddin berkata, negara yang menetapkan satu tafsiran tetap mengenai pengganas dan keganasan mungkin mempunyai matlamat atau kepentingan sendiri.

"Jika senario terkini dijadikan ukuran, ada negara menuding jari terhadap puak atau kumpulan tertentu melakukan keganasan demi kepentingan atau agenda yang sudah ditetapkan.

"Bagaimanapun, tuduhan itu bersikap umum iaitu terhadap agama Islam dan penganutnya tanpa disertai bukti dan asas kukuh," katanya.

Beliau berkata, kumpulan yang jelas melakukan keganasan mesti ditolak, tanpa mengira sama ada ia dianggotai mereka yang beragama Islam atau agama lain.

Selain itu, senarai lengkap kumpulan pengganas perlu diedarkan kepada rakyat pelbagai peringkat, termasuk belia, pemimpin persatuan dan ahli politik supaya masyarakat di negara ini tidak terpengaruh dengan anasir luar yang menaja aktiviti keganasan.

Bagaimanapun, Saifuddin juga mahu senarai kumpulan yang dikategorikan sebagai pejuang kebebasan diedarkan supaya masyarakat di seluruh dunia dapat menilai mereka yang berada di pihak benar.

"Saya berpendapat perkara ini (senarai pejuang kebebasan) memerlukan ketelitian dan keberanian kerana tidak semua pihak akan bersetuju dengannya, terutama mereka yang berasa kepentingannya terancam.

"Bagaimanapun, saya berharap mereka yang berjuang demi kebebasan diri dan bangsanya mendapat keadilan dan perhatian antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Saifuddin juga melontar persoalan sejauh mana Malaysia boleh menyokong atau bersimpati dengan pejuang kebebasan kerana tindakan itu boleh mengheret negara dalam kemelut politik antarabangsa.

Ini kerana kumpulan yang diiktiraf sebagai pejuang kebebasan mungkin memiliki unsur atau ciri yang boleh dianggap pengganas oleh negara atau kerajaan lain.

"Definisi pengganas bersifat dinamik dan tidak statik. Bagaimanapun, Malaysia perlu menyokong individu atau sekumpulan individu pejuang kebebasan selagi mereka tidak bertindak ganas terhadap pihak lain," katanya.

Justeru, katanya, MBM berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terus membincangkan isu keganasan pada peringkat antarabangsa dan menyatakan pendirian kerajaan berhubung isu berkenaan.

"Sebabnya, kita tidak boleh menunggu pihak lain, terutama Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) bertindak menangani isu ini. Mereka perlu digerakkan dan saya yakin Malaysia mampu melakukannya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mendapati OIC tidak mampu berfungsi dengan baik ketika seluruh dunia seolah-olah melabel Islam sebagai pengganas dan mengaitkannya dengan keganasan.

"Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC diadakan di Doha, Qatar baru-baru ini.

"Bagaimanapun, apabila saya menyemak laman web OIC, tidak ada satu pun maklumat terkini mengenai mesyuarat yang sedang berlangsung.

"Jika begini, bagaimana kita mahu menjelaskan kepada dunia bahawa Islam tidak ada kena mengena dengan pengganas dan keganasan.

"Kegagalan OIC mengemaskinikan laman web sangat mendukacitakan kerana seluruh dunia menanti dengan penuh minat pendirian OIC mengenai isu hangat ini," katanya.

(END)